DQS-MKS SEASONAL BULLETIN
ISSUE 2017-03

MOULDING
A QURANIC
GENERATION

# GEN·Q

GENERASI AL-QURAN



# THE GUIDANCE OF ALLAH IS THE ONLY GUIDANCE

AL-AN'AM : 71

## Al-Quran: A Guidance To Humanity

And He found you lost
and guided (you),

**Adh-Duha : 7**



# What is Guidance?

In Arabic the word *hidayah* does not simply mean guidance, but it means to guide gently. The word "gift" (*hadiyyah*) in Arabic also comes from the same root letters as the word for guidance (*hidayah*). Everybody is eligible to receive guidance.

| | Our Effort | Allah's Will |
|---|---|---|
| 01 | Allah SWT has granted us a manual, to help us with making the right choices. This manual reminds us of our moral responsibility so that we have the tools and knowledge to discern from right and wrong.<br>**"There is no compulsion in religion. Verily, the Right Path has become distinct from the wrong path..."**<br>[Al-Baqarah : 256] | If Allah SWT wills, He could guide all of mankind, for there is nothing that He cannot do.<br>**"Say: 'With Allah is the perfect proof and argument, had He so willed, He would indeed have guided you all."**<br>[Al-An'am : 149] |
| 02 | We are accountable for the choices we make in this life. Your reward in the Hereafter is dependent on you.<br>**"Those who believe and have done their duty, there is good news for them in the life of the world and in the hereafter. There is no changing the words of Allah. That is the great victory!"**<br>[Yunus : 63-64] | Allah SWT has given us natural instincts to go about living our daily lives. For example: An infant's natural instinct to suckle.<br>**He said, "Our Lord is He Who gave each thing its form and then guided (it)".**<br>[Taha : 50] |
| 03 | Follow the teachings of Allah SWT and the Prophet PBUH.<br>**"…All those who follow My guidance will not go astray and will not be miserable. But if anyone turns away from My reminder, his life will be a dark and narrow one."**<br>[Taha : 123-124] | The role of the Prophet PBUH and Muslims is to only convey the message. Guidance to the truth is in the hands of Allah alone and no human being has any share in it.<br>**"Verily, you (O Muhammad) guide not whom you like, but Allah guides whom He wills. And He knows best those who are the guided."**<br>[Al-Qasas:56]<br>**"…And the duty of the Messenger is only to convey (the Message) plainly."**<br>[Al-'Ankabut : 18] |

Religious guidance is the greatest gift that anyone can possess. It is also something that we do not control or own, but rather it is bestowed upon us in an act of infinite mercy and grace from Allah SWT when we put in effort. Listed on the next pages are strategies & effort for guidance.

# REAL SUCCESS

IS WHERE YOU WANT TO MAKE IT TO **JANNAH**

**REAL SUCCESS**

**EFFORT**

**ALLAH'S GUIDANCE**

**Dream & Think of it**
Niat & Doa

**Plan & Work hard for it**
Mujahadah

**Keep Trying to make it happen**
Sabr & Istiqamah

**We need Allah's guidance in every step we take and every effort we make.**

## My Jannah To-Do-List

| | | |
|---|---|---|
| my dream | 01 | |
| | 02 | |
| | 03 | |
| | 04 | |
| | 05 | |
| my plan | 01 | |
| | 02 | |
| | 03 | |
| | 04 | |
| | 05 | |

# 7
# STEPS TO G

## 01

### Make Doa

"**Guide** us to the straight path."

*Al-Fatihah : 6*



Muslims plead to be guided to the straight path at least 17 times a day in the five daily prayers.

## 02

### Believe In Allah SWT

"No disaster strikes except by permission of Allah . And whoever believes in Allah - He will **guide** his heart..."

*At-Taghabun : 11*



Belief in destiny and fate is one of the basic beliefs of Islam. Nothing exists outside of His will and decree.

## 03

### Stay Connected With The Quran

Indeed, this Qur'an **guides** to that which is most suitable and gives good tidings to the believers who do righteous deeds that they will have a great reward.

*Al-Isra' : 9*



It fulfill the same exact function of a messenger: delivering, guiding, warning, and confirming God's message. It will give you answers to your daily life's complications.

## 0

### Foll The Su Of Rasulu

It is He who
His Messeng
**guidance** ar
religion of tr
manifest it o
religion. And
is Allah as W

*Al-Fath : 28*



The Qur'an is t
revealed word
and the Sunna
practical impli
Qur'an.

7

# GUIDANCE

4

low
nnah
llah PBUH

sent
ger with
nd the
ruth to
over all
d sufficient
itness.



the directly
l of Allah SWT
ah gives the
cations of

## 05

## Sabr & Solah

"O you who believe, seek **help** through patience and prayer. Surely, Allah is with those who are patient."

*Al-Baqarah : 153*



**2 Types of patience:**

1. Sabr in following the commandments of Allah SWT and Rasulullah PBUH.

2. Endure all kinds of trouble and pain.

**And...**

**Solah** is a visible demonstration of Sabr. Keeping oneself under control totally to obedience.

## 06

## Continuously Make Effort

"As for those who strive in Us, We shall surely **guide** them in Our ways, and Allah is indeed with the virtuous."

*Ankabut : 69*



When we get too caught up with this life, we often think we can do it on our own. We need Allah's help and strength to guide us.

## 07

## Keep Good Company

And hold firmly to the rope of Allah all together and do not become divided. And remember the favor of Allah upon you - when you were enemies and He brought your hearts together and you became, by His favor, brothers. And you were on the edge of a pit of the Fire, and He saved you from it. Thus does Allah make clear to you His verses that you may be **guided**.

*Ali-Imran : 103*



Humans are imitative creatures by nature, so merely being in the company of such good influences is bound to inspire you. They will be a means for us to get closer to Allah SWT.



# Perjuangan pemuda-pemuda Ashabul Kahfi

**Ustazah Nur Khairunnisa Iskandar**
BA Tafsir Al-Quran Al Azhar, Mesir
Penulis buku dan kolumnis majalah Solusi
Pengasas Abounur Kids

Kita semua pasti pernah mendengar kisah perjuangan agung pemuda-pemuda yang digelar Ashabul Kahfi. Mereka telah lari bersembunyi di dalam gua demi untuk mempertahananankan aqidah mereka. Lalu ditidurkan Allah selama 309 tahun di dalam gua itu. Kisah mereka termaktub didalam Al-Quran.

Mari kita hayati bersama 2 ciri utama perjuangan mereka, untuk kita sedut tenaga positif daripadanya. Agar menjadi kibar semangat bagi kita yang sentiasa mahu meningkatkan iman, ilmu dan amal.

## 1 : Matlamat Hidup Yang Jelas

Ashabul Kahfi yakin dengan ilmu dan kepercayaan yang mereka ada. Keyakinan mereka bukan yakin buta, yakin yang datang dari nenek moyang atau yakin dengan kepercayaan ibu ayah. Tidak sama sekali. Keyakinan mereka dibina menerusi pendengaran, penglihatan dan tindakan...

Mereka **mendengar** dakwah tentang Allah Tuhan yang Satu. Mereka **melihat** bukti kewujudan Allah SWT menerusi makhluk sekeliling. Mereka **merasa** dengan hati keajaiban dan kebenaran ciptaanNya.

Kerana itu, keyakinan mereka tidak mudah rapuh. Keyakinan itu menjadi dasar kepada matlamat hidup mereka. Ashabul Kahfi mahu syurga Allah SWT dan bertemu Allah SWT.

Bilamana 7 pemuda ini sangat jelas dengan matlamat, apa pun ujian dan cabaran, mereka tidak menyerah kalah. Mereka berani atasi segala ketakutan dan kerisauan di hati. Mereka berusaha sehabis baik untuk tetap pada jalan dan tindakan yang benar. Gua itu buktinya.

Sifat dan sikap yang perlu ada pada mereka yang mempunyai matlamat hidup yang jelas:

- Ilmu yang benar untuk menentukan matlamat kehidupan.
- Berani buat pilihan. Bukan terpaksa mengikut pilihan orang lain atau sekadar bergantung pada nasib.
- Lakar dan cipta laluan untuk mecapai matlamat
- Semangat yang luar biasa tinggi. **FOKUS, KOMIT** dan **KONSISTEN** untuk tidak berhenti sekerat jalan sebelum dapat sampai ke matlamat terakhir.

## 2 : Utamakan Redha Allah SWT

Ah! Jika difikir logik akal, mana mungkin Ashabul Kahfi, dengan jiwa muda yang fitrahnya tertarik pada kesenangan dan keseronokan, sanggup menolak pelawaan nikmat hidup oleh raja, jika tidak dimulakan dengan matlamat yang kukuh? Betul?

Mereka tahu bahawa dengan sekelip mata sahaja mereka boleh menjadi kaya. Mereka boleh dapatkan wanita yang mereka mahu.

Tetapi, kerana jalan pintas yang disediakan oleh raja itu memaksa mereka untuk membuang agama dan mengetepikan Allah SWT, mereka TEKAD untuk tidak melaluinya.

Sifat dan sikap yang perlu ada pada mereka yang mengutamakan redha Allah SWT:

- Sama sekali tidak akan membelakangkan Allah SWT. Mereka sedar semuanya milik Allah SWT. Manusia hanya pengurus nikmat sahaja.
- Soalan wajib perlu ditanya pada diri, "Adakah pilihan aku ini mengundang redha Allah SWT?"
- Bijak buat pilihan. Mereka tidak mahu berjaya di dunia tetapi sengsara di akhirat.
- Mereka faham sifir kehidupan. "Walaupun Allah SWT mengizinkan dan memudahkan hajat dan keperluan hidup kita dalam keadaan kita sedang lalai dengan dunia, kurang bersujud kepada Allah SWT dan jauh dari cinta Allah SWT, kita perlu fikirkan semula, adakah apa yang kita perolehi itu bernilai di sisi Allah SWT?"

# Ke Arah Membentuk Generasi Al-Quran

**Ustaz Burhanuddin Sinuan**
BA Usuluddin, Al Azhar, Mesir
Pegawai Pembangunan Belia 2017, Masjid Kampung Siglap

Bismillahirrahmanirrahim

Fityah & Fatayat Masjid Kampung Siglap adalah kumpulan belia yang ingin memperbaiki dan mendekatkan diri mereka dengan rumah Allah SWT. Mereka juga adalah kumpulan yang bersedia untuk berkhidmat bersama-sama saya melakarkan program-program yang sesuai untuk para belia.

Mempunyai latarbelakang keluarga, pendidikan dan pengalaman yang berbeza bukanlah suatu kelemahan, bahkan ia adalah kekuatan untuk mereka saling mengenali dan melengkapkan.

Nama fityah dan fatayat adalah sempena kisah pemuda-pemuda ashabul kahfi yang tercatit dalam Al-Quran.

إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى

***"Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka hidayah petunjuk."***

*Surah Al-Kahfi : Ayat 13*

Kisah mereka mempertahankan iman mereka lalu Allah SWT menambahkan petunjuk bagi mereka adalah sebagai inspirasi untuk belia-belia kami mempertahankan prinsip mereka walaupun dizaman teknologi yang penuh fitnah dan ujian ini.

Selaras dengan visi dan misi Darul Quran, kami sajikan program program berteraskan Al-Quran kedalam pelbagai bentuk program yang diminati para belia seperti sukan, permainan, Usrah (perbincangan hati ke hati), perkemahan, aktiviti sukarela dan bermacam lagi.

Allah SWT berfirman **"Dan Aku tidak menciptakan Jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdi Kepada-ku".** [Az-Zariyat : 56] Didalam ayat ini, dapat kita pelajari bahawa tujuan utama manusia di cipta adalah untuk beribadah kepadaNya. Kami ingin sekali terapkan pada belia kami, cara untuk kita beribadah kepada Allah SWT tentu sekali dengan mempelajari dan memahami Al-Quran dan Hadith Nabi SAW. Allah SWT telah pun memberi petunjuk kepada hambanya melalui Al-Quran yang diperjelaskan dengan Hadith Nabi SAW. Maka Al-Quran dan Hadith Nabi SAW itu seharusnya menjadi panduan bagi diri kita didalam melaksanakan ibadah dan perintah Allah SWT.



Tidak ada alasan untuk para belia kita tidak melanjutkan pengajian mereka dalam pengetahuan agama. Di negara kita terdapat banyak institiusi-institusi swasta, organisasi-organisasi islam dan masjid-masjid yang mengadakan kelas-kelas pengajian agama yang meliputi berbagai disiplin ilmu untuk pelbagai lapisan dan tahap kemampuan masyarakat.

Di Darul Quran, Masjid Kampung Siglap contohnya, telah menganjurkan ' Program Pembelajaran Al-Quran '. Modul-modul yang diajarkan termasuk Ulum Al-Quran, Qiraah, Tajwid, Mahfudzat, Tafsir, Ayat-ayat Ahkam dan lain-lain. Institusi ini mempunyai visi tersendiri iaitu untuk melahirkan generasi Al-Quran.

Harapan kami ialah supaya ramai lagi belia akan mendapat kesedaran untuk mendampingi dan mendalami ilmu Al-Quran. Manual hidup manusia. Saya percaya bahawa dengan mendampingi Al-Quran, kehidupan mereka akan lebih terarah, tenaga muda luar biasa mereka dapat disalurkan kepada perkara-perkara makruf dan mereka sentiasa mendapat penawar bagi segala permasaalahan dan cabaran kehidupan mereka. Sebagai pegawai pembangunan belia Masjid Kampung Siglap, saya merasakan dengan sistem pendidikan Al-Quran yang tersusun dan seronok, kita akan dapat melahirkan generasi Al-Quran dan pemimpin-pemimpin yang berjiwa Al-Quran. Mereka akan sentiasa dekat dengan petunjuk dan bantuan Allah SWT insyaallah.











**Antara program program yang sedang berjalan:**

- **'Fund Raising' mingguan:** Setiap hari Jumaat
- **Usrah Bulanan:** (heart to heart session) bersama asatizah: 26 August 2017
- **Quran Camp tahunan:** 5-7 Sept 2017

*Maklumat susulan aktiviti mereka boleh didapati di FB dan Instagram.*

Dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu, ia berkata bahwa Rasulullah shallallahu 'alaihi alaihi wa sallam bersabda:

Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara (yaitu): **sedekah jariyah, ilmu yang dimanfaatkan, atau do'a anak yang sholeh"**

HR. Muslim no. 1631

## Kami menyediakan peluang-peluang bagi AMALAN yang berpanjangan.

# Dana Pemulihan Prasarana

### Waqaf Penambahan Ruang Darul Quran Singapura

Dana akan digunakan bagi menambah ruang pejabat, bilik darjah dan ruang umum bagi para asatizah madrasah.

**JUMLAH DIPERLUKAN**

**$181,000**

### Waqaf Penambahan Sengkuap Masjid Kampung Siglap

Dana ini akan digunakan untuk menambah perlindungan di luar kawasan solat bagi melindung para Jemaah dari hujan sewaktu berada diperkarangan masjid serta waktu solat-solat Hari Raya.

**JUMLAH DIPERLUKAN**

**$135,000**

### Baik Pulih Bangunan DQS & MKS

Dana ini akan digunakan untuk memperbaiki kemudahan serta alat-alat mengajar di Bangunan Darul Quran serta Masjid Kampung Siglap dan juga memperbaiki struktur di luar Bangunan Darul Quran demi kebaikkan bersama.

**JUMLAH DIPERLUKAN**

**$236,000**

### Pembaikan & Penggantian Sistem AV

Dana ini akan digunakkan bagi memperbaiki serta mengganti system AV yang telah rusak setelah ianya kebakaran kecil.

**JUMLAH DIPERLUKAN**

**$250,000**

### CARA-CARA MENDERMA

- **Tunai/Nets @ Counter Service,** Masjid Kampung Siglap
- **Cek** atas nama "Lembaga Pentadbir Masjid Kampung Siglap" Pos ke alamat: **451, Marine Parade Road, S449283.**

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT BOLEH HUBUNGI KAMI**
Talian: **6243 7060**
Emel: **info@mks.org.sg**

Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)
Licence No. 015/17
Expiry Date: 31 Dec 2017

DESIGNED BY : FADDHO.COM


DARUL QURAN SINGAPURA
MASJID KAMPUNG SIGLAP

451 Marine Parade Road Singapore 449283
T 6243 7060 F 6441 0634
E info@mks.org.sg **www.mks.org.sg**


Waktu Khidmat Pejabat
**Isnin-Sabtu** 8.30pg - 5.30ptg **Ahad** 8.30pg - 12.30tgh
Tutup Pada Cuti Umum

**LIKE & FOLLOW kami di Facebook & Instagram**
Darul Quran Singapura